

EXCEL

PBD

MODUL PdPc & SPM

PRINSIP PERAKAUNAN

► Hooi Lai Wan



PBD
Mantap



Piawai
SPM



Input
Digital



PdPc
Abad ke-21

Tingkatan

5

KSSM

EXCEL

PED

MODUL PdPC & SPM

Tingkatan

5
KSSM

PRINSIP PERAKAUNAN

▷ Hooi Lai Wan



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. (198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com

© **PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. 2026**

An ISO 9001:2015 QMS certified company

*Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, sawat, gambar, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran daripada **PENERBITAN PELANGI SDN. BHD.** terlebih dahulu.*

ISBN: 978-629-498-654-1

Cetakan Pertama 2026

Dicetak di Malaysia oleh My BookPal Sdn. Bhd.
No. 14, Jalan Taming 10, Taman Taming Jaya, 43300 Balakong Selangor Darul Ehsan.

Sila layari <https://plus.pelangibooks.com/errata> untuk mendapatkan pengemaskinian bagi buku ini (sekiranya ada).

Kandungan

MODUL

1

Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan

Nota Xpress Kod QR

- 1.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi Info PAK-21 P+ PPT 1

Praktis SPM 1 13

MODUL

2

Rekod Tak Lengkap

Nota Xpress Kod QR

- 2.1 Pengenalan Rekod Tak Lengkap Video P+ PPT 21
- 2.2 Kaedah Perbandingan 23
- 2.3 Kaedah Analisis Info Video P+ PAK-21 PPT 29

Praktis SPM 2 35

MODUL

3

Perakaunan untuk Kawalan Dalaman

Nota Xpress Kod QR

- 3.1 Kawalan Tunai Video P+ PPT 45
- 3.2 Penyata Penyesuaian Bank P+ Praktis 46
- 3.3 Belanjawan Tunai Info Video P+ PAK-21 PPT 51

Praktis SPM 3 57

MODUL

4

Perakaunan untuk Perkongsian

Nota Xpress Kod QR

- 4.1 Perniagaan Perkongsian Info P+ PPT 71
- 4.2 Akaun Pengasingan Untung Rugi 74
- 4.3 Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian Info Video P+ Praktis 79
- 4.4 Pembubaran Perkongsian Video P+ PAK-21 PPT 81

Praktis SPM 4 84

MODUL

5

Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer

Nota Xpress Kod QR

- 5.1 Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer Video Info P+ PAK-21 PPT 99
- 5.2 Jenis Modal dan Terbitan Syer 101
- 5.3 Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer 105
- 5.4 Dividen Tunai P+ Praktis Video 106

Praktis SPM 5 110

MODUL
6
Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan
Nota Xpress Kod QR
6.1 Kelab dan Persatuan  119

6.2 Akaun Penerimaan dan Pembayaran 121

6.3 Akaun Yuran Ahli 123

6.4 Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan   124

6.5 Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan  129


Praktis SPM 6 133

MODUL
7
Perakaunan Kos
Nota Xpress Kod QR
7.1 Jenis Kos dan Kerja dalam Proses 143


7.2 Akaun Pengeluaran    146

7.3 Analisis Titik Pulang Modal 148

 
Praktis SPM 7 154

Kertas Model SPM 167

▶▶▶ JAWAPAN
<https://plus.pelangibooks.com/Resources/ExcelPBD/PPerakaunanT5/Jawapan.pdf>


1.1

Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi


PBD Formatif

Buku Teks ms. 2 – 23

1. Lengkapkan rajah di bawah.

SP
10.1.1

TP 1



Nota Xpress



2. Senaraikan tujuan analisis penyata kewangan.

TP 2

SP
10.1.1

- (a) Membolehkan pihak pengurusan mengawal dan merancang aktiviti perniagaan dengan lebih cekap.
- (b) Membantu pihak bank membuat keputusan tentang kemudahan kredit.
- (c) Membantu pihak pelabur membuat keputusan yang berkaitan dengan pelaburan.
- (d) Membolehkan pihak Akaun Belum Bayar menilai kemampuan perniagaan membayar balik hutang.

3. Padankan jenis nisbah dan fungsinya.

SP
10.1.1

Jenis Nisbah
Nisbah Keberuntungan
Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan
Peratus Untung Kasar atas Jualan
Peratus Untung Bersih atas Jualan
Pulangan atas Modal
Nisbah Kecairan
Nisbah Semasa
Nisbah Ujian Asid
Nisbah Kecekapan
Kadar Pusing Ganti Inventori
Tempoh Kutipan Hutang
Tempoh Pembayaran Hutang

Fungsi
Menunjukkan peratus untung bersih yang diperoleh daripada jualan bersih.
Mengukur peratus untung bersih bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.
Mengukur kemampuan perniagaan menjelaskan liabiliti semasanya mengikut tempoh yang ditetapkan.
Mengukur kemampuan perniagaan untuk memperoleh keuntungan.
Menunjukkan peratus penambahan pada kos barang untuk mendapatkan harga jualan.
Mengukur peratus untung kasar bagi setiap ringgit jualan bersih.
Mengukur keupayaan perniagaan mengutip hutang daripada pelanggan.
Menunjukkan kemampuan perniagaan untuk membayar pelbagai jenis hutang dan pinjaman.
Menguji kecekapan operasi sesebuah syarikat.
Mengukur kemampuan perniagaan untuk membayar liabiliti semasa dengan cepat.
Mengukur tempoh yang diperlukan oleh perniagaan bagi menjelaskan hutangnya.
Menguji kepantasan barang niaga dijual dalam satu tempoh perakaunan.

INFO



Types of Financial Analysis

4. Tuliskan rumus nisbah yang berikut:

(a) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)

$$\text{Tokokan} = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$$

(b) Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin)

$$\text{Margin Untung Kasar} = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

(c) Peratus Untung Bersih atas Jualan

$$\text{Margin Untung Bersih} = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

(d) Pulangan atas Modal

$$\text{Pulangan atas Modal} = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$$

5. Lido Enterprise mempunyai maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Oktober 2025.

	RM
Inventori Awal	14 000
Inventori Akhir	16 000
Jualan Bersih	93 650
Belian Bersih	55 324
Upah Gudang	3 780
Jumlah Hasil	8 500
Jumlah Perbelanjaan	20 400

Anda dikehendaki menghitung:

(a) Kos Jualan

$$\begin{aligned} \text{Kos Jualan} &= \text{Inventori Awal} + \text{Belian Bersih} + \text{Upah Gudang} - \text{Inventori Akhir} \\ &= \text{RM}14\,000 + \text{RM}55\,324 + \text{RM}3\,780 - \text{RM}16\,000 \\ &= \text{RM}57\,104 \end{aligned}$$

(b) Untung Kasar

$$\begin{aligned} \text{Untung Kasar} &= \text{Jualan Bersih} - \text{Kos Jualan} \\ &= \text{RM}93\,650 - \text{RM}57\,104 \\ &= \text{RM}36\,546 \end{aligned}$$

(c) Margin Untung Kasar

$$\begin{aligned}\text{Margin Untung Kasar} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan}} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM36 546}}{\text{RM93 560}} \times 100 \\ &= 39.06\%\end{aligned}$$

(d) Tokokan

$$\begin{aligned}\text{Tokokan} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM36 546}}{\text{RM57 104}} \times 100 \\ &= 64\%\end{aligned}$$

(e) Margin Untung Bersih

$$\begin{aligned}\text{Untung Bersih} &= \text{Untung Kasar} + \text{Jumlah Hasil} - \text{Jumlah Perbelanjaan} \\ &= \text{RM36 546} + \text{RM8 500} - \text{RM20 400} \\ &= \text{RM24 646}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Margin Untung Bersih} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan}} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM24 646}}{\text{RM93 560}} \times 100 \\ &= 26.34\%\end{aligned}$$

6. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Suresh bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.

SP
10.1.2

TP 3

TP 4

	RM
Belian	115 000
Jualan	160 000
Belanja Kendalian	12 000
Inventori Awal	11 000
Inventori Akhir	10 000
Modal Awal	200 000

Anda dikehendaki menghitung dan memberi tafsiran kepada setiap nisbah keberuntungan yang berkenaan:

- Kos Jualan
- Untung Kasar
- Untung Bersih
- Tokokan
- Margin Untung Kasar
- Margin Untung Bersih
- Pulangan atas Modal


Jawapan



7. Tuliskan rumus nisbah yang berikut:

(a) Nisbah Semasa

$$\text{Nisbah Semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

(b) Nisbah Ujian Asid

$$\text{Nisbah Ujian Asid} = \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

8. Perniagaan Berjaya memberi maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022.

TP 3

TP 4

SP
10.1.3

	RM
Inventori 1 September 2021	6 500
Inventori 31 Ogos 2022	8 600
Bank	12 500
Tunai Runcit	500
Akaun Belum Bayar	6 250
Akaun Belum Terima	9 540
Insurans Belum Bayar	2 000
Sewa Belum Terima	800
Pinjaman Bank	10 000

Maklumat tambahan:

Pinjaman bank akan matang pada 30 Jun 2023.

Anda dikehendaki:

(a) menghitung

(i) Nisbah Semasa

$$\begin{aligned} \text{Nisbah Semasa} &= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM8 600} + \text{RM12 500} + \text{RM500} + \text{RM9 540} + \text{RM800}}{\text{RM6 250} + \text{RM2 000} + \text{RM10 000}} \\ &= \frac{\text{RM31 940}}{\text{RM18 250}} \\ &= 1.75 : 1 \end{aligned}$$

(ii) Nisbah Ujian Asid

$$\begin{aligned} \text{Nisbah Ujian Asid} &= \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM31 940} - \text{RM8 600}}{\text{RM18 250}} \\ &= \frac{\text{RM23 340}}{\text{RM18 250}} \\ &= 1.27 : 1 \end{aligned}$$

- (b) Terangkan rumusan tentang nisbah yang dihitung dalam (a).

Nisbah Semasa 1.75 : 1 bermaksud perniagaan mempunyai aset semasa sebanyak RM1.75 untuk membayar liabiliti semasa sebanyak RM1.00.

Nisbah Ujian Asid 1.27 : 1 bermaksud perniagaan mempunyai aset semasa sebanyak RM1.27 untuk membayar liabiliti semasa sebanyak RM1.00 tanpa menjual inventori akhirnya.

9. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bunga Rasa Sayang pada 31 Oktober 20X9.

SP
10.1.3

TP 3

TP 4

	RM		RM
Inventori pada 1 November 20X8	2 650	Pinjaman	7 000
Inventori pada 31 Oktober 20X9	3 130	Premis	30 120
Kos Jualan	8 870	Alat Pejabat	5 210
Untung Kasar	3 860	Akaun Belum Bayar	1 105
Jumlah Belanja	2 115	Overdraf Bank	1 500
Tunai di Tangan	330	Modal pada 1 November 20X8	30 000
Akaun Belum Terima	2 560		

Anda dikehendaki menghitung nisbah dan membuat tafsiran yang berikut:

- Tokokan
- Margin Untung Kasar
- Pulangan atas Modal
- Nisbah Semasa
- Nisbah Ujian Asid



10. Tuliskan rumus nisbah yang berikut:

- (a) Kadar Pusing Ganti Inventori

$$\text{Kadar Pusing Ganti Inventori} = \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$$

- (b) Inventori Purata

$$\text{Inventori Purata} = \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$$

- (c) Tempoh Kutipan Wang

$$\text{Tempoh Kutipan Wang} = \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

(d) Tempoh Pembayaran Hutang

$$\text{Tempoh Pembayaran Wang} = \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

11. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Aman pada 31 Disember 2022.

SP
10.1.4**TP 3** **TP 4**

	RM
Belian Kredit	30 500
Jualan Kredit	55 000
Akaun Belum Terima	6 200
Akaun Belum Bayar	4 500
Inventori 1 Januari 2022	2 000
Inventori 31 Disember 2022	3 500

Nota: Perniagaan Aman menjalankan belian dan jualan kredit sahaja.

Anda dikehendaki menghitung:

(a) Kadar Pusing Ganti Inventori

$$\begin{aligned} \text{Kos Jualan} &= \text{Inventori Awal} + \text{Belian Bersih} - \text{Inventori Akhir} \\ &= \text{RM2 000} + \text{RM30 500} - \text{RM3 500} \\ &= \text{RM29 000} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Inventori Purata} &= \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2} \\ &= \frac{\text{RM2 000} + \text{RM3 500}}{2} \\ &= \frac{\text{RM5 500}}{2} \\ &= \text{RM2 750} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kadar Pusing Ganti Inventori} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}} \\ &= \frac{\text{RM29 000}}{\text{RM2 750}} \\ &= 10.55 \text{ kali} \end{aligned}$$

(b) Tempoh Kutipan Hutang

$$\begin{aligned} \text{Tempoh Kutipan Hutang} &= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM6 200}}{\text{RM55 000}} \times 365 \text{ hari} \\ &= 41.15 \text{ hari} \end{aligned}$$

(c) Tempoh Pembayaran Hutang

$$\begin{aligned}\text{Tempoh Pembayaran Hutang} &= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM4 500}}{\text{RM30 500}} \times 365 \text{ hari} \\ &= 53.85 \text{ hari}\end{aligned}$$

12. Maklumat berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Ru Ying pada 31 Disember 20X0:

SP
10.1.4

TP 3

TP 4

Syarikat Ru Ying Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X0			
	RM		RM
Aset Bukan Semasa		Ekuiti Pemilik	
Perabot	4 870	Modal Awal	7 664
		Tambah: Untung Bersih	2 966
			10 630
Aset Semasa		Liabiliti Semasa	
Inventori Akhir	4 040	Akaun Belum Bayar	3 450
Tunai	1 150	Overdra Bank	1 350
Akaun Belum Terima	5 370		
	<u>15 430</u>		<u>15 430</u>

Maklumat tambahan:

- Jualan kredit ialah RM75 300.
- Belian kredit ialah RM101 250.
- Jualan bersih sebanyak RM90 500.

Anda dikehendaki mengira perkara berikut berdasarkan maklumat yang diberikan. Tafsirkan jawapan yang diperoleh.

- Nisbah Semasa
- Nisbah Ujian Asid
- Margin Untung Bersih
- Pulangan atas Modal
- Tempoh Kutipan Hutang
- Tempoh Pembayaran Hutang



13. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Persolekan Scarlett.

SP
10.1.4

TP 3

TP 4

	RM
Inventori 1 Januari 20X0	3 625
Inventori 31 Disember 20X0	4 285
Jualan	56 772
Pulangan Jualan	222

Margin Untung Kasar ialah 30% daripada perolehan.

Kirakan Tokokan dan Kadar Pusing Ganti Inventori bagi Kedai Persolekan Scarlett. Tafsirkan jawapan yang diperoleh.





14. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Syarikat Kenn Shaun pada 31 Mac 20X0.

TP 3

SP
10.1.5

Syarikat Kenn Shaun		
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 20X0		
	RM	RM
Jualan Bersih		37 273
<i>Tolak: Kos Jualan</i>		
Inventori Awal	1 650	
Belian Bersih	23 490	
Kos Barang untuk Dijual	25 140	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>	(2 160)	
Kos Jualan		(22 980)
Untung Kasar		14 293
<i>Tambah: Hasil</i>		2 305
		16 598
<i>Tolak: Belanja</i>		(6 313)
Untung Bersih		10 285

Syarikat Kenn Shaun			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 20X0			
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Bangunan		55 000	
Kenderaan		15 800	
Alatan Pejabat		2 890	
			73 690
Akaun Semasa			
Inventori Akhir	2 160		
Bank	3 665		
Akaun Belum Terima	3 230		
		9 055	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>			
Akaun Belum Bayar		(3 840)	
Modal Kerja			5 215
			78 905
Ekuiti Pemilik			
Modal Awal			70 000
<i>Tambah: Untung Bersih</i>			10 285
			80 285
<i>Tolak: Ambilan</i>			(1 380)
			78 905

Maklumat tambahan:

- Semua jualan ialah jualan kredit.
- Belian kredit ialah 90% daripada jumlah belian.



Anda dikehendaki mengira:

(a) Tokokan

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM14 293}}{\text{RM22 980}} \times 100\% \\ &= 62.20\% \end{aligned}$$

(b) Margin Untung Kasar

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM14 293}}{\text{RM37 273}} \times 100\% \\ &= 38.35\% \end{aligned}$$

(c) Margin Untung Bersih

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM10 285}}{\text{RM37 273}} \times 100\% \\ &= 27.59\% \end{aligned}$$

(d) Pulangan atas Modal

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM10 285}}{\text{RM70 000}} \times 100\% \\ &= 14.70\% \end{aligned}$$

(e) Nisbah Semasa

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM9 055}}{\text{RM3 840}} \\ &= 2.36 : 1 \end{aligned}$$

(f) Nisbah Ujian Asid

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM9 055} - \text{RM2 160}}{\text{RM3 840}} \\ &= 1.80 : 1 \end{aligned}$$

(g) Kadar Pusing Ganti Inventori

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}} \\ &= \frac{\text{RM22 980}}{\text{RM1 905}} \\ &= 12 \text{ kali} \end{aligned}$$

(h) Tempoh Kutipan Hutang

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM3 230}}{\text{RM37 273}} \times 365 \text{ hari} \\ &= 31.63 \text{ hari} \end{aligned}$$

(i) Tempoh Pembayaran Hutang

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM3 840}}{\text{RM21 141}} \times 365 \text{ hari} \\ &= 66.3 \text{ hari} \end{aligned}$$



15. Maklumat berikut merupakan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah bagi tahun 20X9 dan 20X0. **TP 5**

SP
10.1.6

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember

	20X9		20X0	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		155 478		159 674
Pulangan Jualan		(1 586)		(1 886)
		153 892		157 788
Inventori Awal	14 750		10 700	
Belian	120 650		116 079	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>	(15 160)	(120 240)	(9 899)	(116 880)
Untung Kasar		33 652		40 908
Tambah: Hasil				
Komisen Diterima		9 425		11 110
Tolak: Belanja				
Sewa	3 000		4 400	
Gaji	1 800		2 600	
Belanja Utiliti	340	(5 140)	520	(7 520)
Untung Bersih		37 937		44 498

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember

	20X9			20X0		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa						
Premis		160 000			250 000	
Kenderaan		57 600			51 840	
Lengkapan		28 800	246 400		32 360	334 200
Aset Semasa						
Inventori Akhir	15 160			9 899		
Tunai	2 500			5 908		
Akaun Belum Terima	28 800			27 960		
Bank	41 700	88 160		42 000	85 767	
Tolak: Liabiliti Semasa						
Akaun Belum Bayar		(22 560)			(17 350)	
Modal Kerja			65 600			68 417
			312 000			402 617
Ekuiti Pemilik						
Modal			130 063			218 119
Tambah: Untung Bersih			37 937			44 498
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman			144 000			140 000
			312 000			402 617

Maklumat tambahan: 20% daripada belian adalah belian tunai manakala 40% daripada jualan adalah jualan tunai.

Anda dikehendaki membandingkan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah bagi tahun 20X9 dan 20X0 berdasarkan nisbah keberuntungan, nisbah kecairan dan nisbah kecekapan. Nilai prestasi Kedai Baju Aisyah.

16. Maklumat berikut merupakan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah dan Kedai Baju Nadiah bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0. **TP 5** **TP 6**

10.1.6
10.1.7
10.1.8

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0

	Kedai Baju Aisyah		Kedai Baju Nadiah	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		157 788		167 892
Inventori Awal	10 700		27 290	
Belian	116 079		119 650	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>	<u>(9 899)</u>	<u>(116 880)</u>	<u>(16 150)</u>	<u>(130 790)</u>
Untung Kasar		40 908		37 102
Tambah: Hasil				
Komisen Diterima		11 110		4 295
Tolak: Belanja				
Sewa	4 400		9 100	
Gaji	2 600		3 230	
Belanja Utiliti	<u>520</u>	<u>(7 520)</u>	<u>2 130</u>	<u>(14 460)</u>
Untung Bersih		<u>44 498</u>		<u>26 937</u>

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X0

	Kedai Baju Aisyah			Kedai Baju Nadiah		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa						
Premis		250 000			300 000	
Lengkapan		<u>84 200</u>	334 200		<u>79 980</u>	379 980
Aset Semasa						
Inventori Akhir	9 899			16 150		
Akaun Belum Terima	27 960			34 780		
Bank	<u>47 908</u>	85 767		<u>40 240</u>	91 170	
Tolak: Liabiliti Semasa						
Akaun Belum Bayar		<u>(17 350)</u>			<u>(14 550)</u>	
Modal Kerja		68 417				76 620
		<u>402 617</u>				<u>456 600</u>
Ekuiti Pemilik						
Modal		218 119				229 663
Tambah: Untung Bersih		44 498				26 937
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman		<u>140 000</u>				<u>200 000</u>
		<u>402 617</u>				<u>456 600</u>

Maklumat tambahan:

- Kedai Baju Aisyah: 20% daripada belian adalah belian tunai manakala 40% daripada jualan adalah jualan tunai.
- Kedai Baju Nadiah: Semua belian adalah secara kredit manakala 30% daripada jualan adalah jualan tunai.

Anda dikehendaki membandingkan Penyata Kewangan Kedai Baju Aisyah dan Kedai Baju Nadiah bagi tahun 20X0 dan nilaikan prestasi kedai baju tersebut. Jika anda seorang pelabur, kedai baju yang manakah akan anda pilih untuk membuat pelaburan?

KERTAS 1

1.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi

1. Antara yang berikut, yang manakah tujuan analisis Penyata Kewangan?

TP 2
Buku Teks
ms. 2

- I Mengawal aktiviti perniagaan
- II Merancang aktiviti perniagaan
- III Menyediakan laporan kewangan
- IV Mengetahui prestasi kewangan Akaun Belum Terima

- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2. Puan Belinda Lee memaklumkan firmanya akan memperoleh untung kasar sebanyak 40 sen bagi setiap RM1 jualan.

TP 4
Buku Teks
ms. 2

Apakah analisis nisbah yang digunakan Puan Belinda Lee?

- A** Margin **C** Nisbah kecairan
B Tokokan **D** Pulangan atas modal

KBAT Menganalisis

3. **X** menggambarkan bahawa pelaburan diurus dengan baik jika nilainya tinggi. Apakah **X**?

Buku Teks
ms. 4

- A** Margin **C** Nisbah Semasa
B Tokokan **D** Pulangan atas Modal

4. Maklumat berikut merupakan tafsiran nisbah.

Buku Teks
ms. 6

	Nisbah	Tafsiran
I	Tokokan	Menilai kecekapan dalam memaksimumkan keuntungan
II	Nisbah Ujian Asid	Menilai kemampuan perniagaan meneruskan operasi
III	Kadar Pusing Ganti Inventori	Mengetahui tahap kecairan aset semasa
IV	Pulangan atas Modal	Menilai kadar pulangan pada setiap ringgit modal yang dilaburkan

Pasangan nisbah dan tafsiran manakah yang betul?

- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

5. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Karamjeet & Sons.

TP 3
Buku Teks
ms. 4

Butir	RM
Jualan	120 000
Pulangan Jualan	15 000
Untung Kasar	35 000

Berapakah tokokan?

- A** 30% **C** 42%
B 34% **D** 50%

6. Petikan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi berikut diambil daripada buku Perniagaan Naga Ria bagi tahun berakhir 30 September 20X0.

TP 3
Buku Teks
ms. 4

	RM	RM
Jualan Bersih		137 520
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal	18 250	
Belian Bersih	122 680	
	140 930	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(26 330)	(114 600)
Untung Kasar		22 920

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A** 16.67% **C** 18.69%
B 16.26% **D** 20%

7. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Pak Su bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0.

TP 3
Buku Teks
ms. 4

	RM
Inventori Awal	36 890
Inventori Akhir	43 260
Belian	223 580
Jualan	250 000
Untung Kasar	32 790

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A** 15.1% **C** 14.3%
B 14.7% **D** 13.1%

8. Pilih tafsiran yang betul bagi maklumat berikut.

TP 4

Buku Teks
ms. 4

Tokokan 40%

- A Perniagaan memperoleh untung bersih RM0.40 bagi setiap RM1.00 kos jualan
- B Perniagaan memperoleh untung kasar RM0.40 bagi setiap RM1.00 jualan bersih
- C Perniagaan memperoleh untung bersih RM0.40 bagi setiap RM1.00 jualan bersih
- ☒ D Perniagaan memperoleh untung kasar RM0.40 bagi setiap RM1.00 kos jualan

9. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Emas How Yuan.

Buku Teks
ms. 5

	RM
Inventori pada 1 Januari 20X0	7 124
Inventori pada 31 Disember 20X0	7 976
Kos jualan	60 400
Untung kasar 20% atas perolehan.	

Berapakah untung kasar bagi tahun 20X0?

- A RM12 080
- ☒ C RM15 100
- B RM12 932
- D RM15 952

KBAT Menganalisis

10. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Besraya Enterprise bagi tahun berakhir 31 Mei 20X0.

TP 3

Buku Teks
ms. 4

	RM
Inventori Awal	12 650
Inventori Akhir	15 320
Belian	38 540
Jualan	52 370
Untung Kasar	16 500

Berapakah Tokokan bagi Besraya Enterprise?

- A 31.5%
- ☒ C 42.8%
- B 32.2%
- D 46%

11. Maklumat berikut diperoleh daripada Jingle Trading bagi tahun berakhir 31 Oktober 20X0.

TP 3

Buku Teks
ms. 4

	RM
Jualan	250 000
Belian	223 580
Inventori pada 1 November 20X9	36 890
Inventori pada 31 Oktober 20X0	43 260
Belanja pentadbiran	16 244
Belanja jualan dan agihan	11 546

Berapakah Peratus Untung Bersih atas Jualan bagi Jingle Trading?

- ☒ A 2%
- C 13.1%
- B 2.3%
- D 15.1%

12. Antara yang berikut, yang manakah digunakan sebagai perbandingan untuk menilai sama ada kadar pulangan atas modal memuaskan atau tidak?

Buku Teks
ms. 6

- A Kadar faedah pinjaman bank
- ☒ B Kadar faedah simpanan bank
- C Peratus untung kasar atas jualan
- D Peratus untung bersih atas jualan

13. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Wey Zen Sendirian Berhad.

TP 3
Buku Teks
ms. 6

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 November 20X0

Jualan	104 000
Tolak: Kos Jualan	(26 000)
Untung Kasar	78 000
Tambah: Hasil	6 500
	84 500
Tolak: Belanja	(32 500)
Untung Bersih	52 000


Sekiranya anda ingin membuat pelaburan dan menetapkan sasaran pulangan atas modal sebanyak 20%, berapakah modal yang anda perlukan?

- A RM520 000
- ☒ C RM260 000
- B RM390 000
- D RM130 000

KBAT Mengaplikasi

14. Rajah berikut digunakan untuk mengukur kecairan sesuatu perniagaan.

Buku Teks
ms. 6



Apakah P dan Q?

	P	Q
A	Aset	Liabiliti
☒ B	Aset Semasa	Liabiliti Semasa
C	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
D	Aset Bukan Semasa	Liabiliti Bukan Semasa



15. Maklumat berikut diambil daripada Syarikat How Yuan Sendirian Berhad pada 31 Mei 20X0.

Buku Tekst
ms. 6

	RM
Akaun Belum Terima	3 240
Inventori Akhir	1 860
X	2 550
Nisbah Semasa syarikat ialah 2 : 1.	

Apakah X?

- A Tunai C Simpanan tetap
B Pinjaman bank D Overdraft bank

16. Maklumat berikut ialah baki-baki buku Syarikat Wella pada 31 Mac 20X0.

TP 3

Buku Tekst
ms. 6

	RM
Perabot	31 500
Akaun Belum Terima	43 050
Akaun Belum Bayar	42 000
Bank (overdraft)	21 000
Inventori Akhir	51 450

Berapakah Nisbah Semasa perniagaan itu pada tarikh tersebut?

- A 1.5 : 1 C 2.75 : 1
B 2 : 1 D 3.5 : 1

17. Maklumat berikut diperoleh daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Ramesh pada 31 Mac 20X0.

TP 3

Buku Tekst
ms. 7

	RM
Aset Bukan Semasa	200 000
Aset Semasa	150 000
Liabiliti Bukan Semasa	100 000
Liabiliti Semasa	50 000

Berapakah Nisbah Semasa?

- A 1 : 2 C 1 : 3
B 2 : 1 D 3 : 1

18. Syarikat Zamani mempunyai Nisbah Semasa 2 : 1. Apakah tafsiran yang betul mengenai maklumat di atas?

TP 3

Buku Tekst
ms. 6

- A Firma tidak mampu menjelaskan liabilitinya
B Firma mempunyai terlalu banyak modal terbiar
C Setiap RM1 aset semasa, firma mempunyai RM2 liabiliti semasa
D Setiap RM1 liabiliti semasa, firma mempunyai RM2 aset semasa

19. Nisbah Semasa Syarikat Milan ialah 1 : 2. Apakah tindakan yang perlu diambil Syarikat Milan untuk memperbaiki tahap kecairan tersebut?

Buku Tekst
ms. 6

- I Menambahkan lagi inventori perniagaan
II Memanjangkan tempoh jualan kredit
III Menjual sebahagian Aset Bukan Semasa
IV Menggadaikan Aset Bukan Semasa kepada bank

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

20. Nisbah Semasa bagi Syarikat Fresh Dairy adalah seperti berikut:

TP 3

Buku Tekst
ms. 17-18

Tahun	20X7	20X8	20X9	20X0
Nisbah Semasa	13.2 : 1	13.5 : 1	16.3 : 1	16.8 : 1

Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Syarikat Fresh Dairy membayar hutang jangka pendeknya paling baik?

- A 20X7 C 20X9
B 20X8 D 20X0

21. Baki-baki berikut diperoleh daripada buku Syarikat Surinder pada 31 Julai 20X9.

TP 3

Buku Tekst
ms. 7

	RM
Lengkapan	12 000
Bank (overdraft)	372
Akaun Belum Terima	2 420
Akaun Belum Bayar	1 080
Inventori Akhir	3 620
Iklan Prabayar	2 870
Sewa Belum Terima	1 960

Berapakah Nisbah Ujian Asid perniagaan itu pada tarikh tersebut?

- A 1.8 : 1 C 2.5 : 1
B 2.4 : 1 D 4.9 : 1

22. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Ming Hua.

TP 3

Buku Tekst
ms. 7

	RM
Inventori Awal	2 280
Inventori Akhir	1 960
Aset Semasa	15 800
Aset Bukan Semasa	32 500
Modal Kerja	4 230

Berapakah Nisbah Ujian Asid Kedai Ming Hua?

- A 1.17 : 1 C 3.27 : 1
B 1.20 : 1 D 2.64 : 1

23. Apakah maksud Kadar Pusing Ganti Inventori yang rendah?

Buku Tekst
ms. 8

- I Inventori jualan kurang laris
II Tukar ganti inventori yang tidak kerap
III Cekap dalam mengurus inventori
IV Berkemampuan menjelaskan hutang Akaun Belum Bayar

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 24.** Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Kek Fluffy.

TP 3
Buku Teks
ms. 8

	RM
Inventori pada 1 Mei 20X0	15 600
Inventori pada 30 April 20X1	31 200
Kos Jualan	93 600

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori?

- A 2 kali **C 4 kali**
B 3 kali D 5 kali

- 25.** Maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

TP 3
Buku Teks
ms. 8

	RM
Inventori Awal	15 400
Inventori Akhir	18 200
Kos Barang untuk Dijual	65 280

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori?

- A 1.94 kali C 2.29 kali
B 2.15 kali **D 2.80 kali**

- 26.** Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Damia.

Buku Teks
ms. 8

	RM
Untung Kasar	5 230
Inventori Awal	9 200
Inventori Akhir	10 300
Kadar Pusing Ganti Inventori	7 kali

Berapakah kos jualan?

- A RM59 500 **C RM68 250**
B RM67 200 D RM74 700

- 27.** Data berikut diperoleh daripada buku Syarikat Adabi.

Buku Teks
ms. 4,8

Inventori purata pada harga kos	RM30 645
Kadar Pusing Ganti Inventori	5 kali
Margin Untung Kasar adalah 25%.	

Berapakah jualan Syarikat Adabi?

- A RM122 580 C RM183 870
B RM153 225 **D RM204 300**

KBAT Menganalisis

- 28.** Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Kek Strawberry Park.

TP 3
Buku Teks
ms. 8

	RM
Inventori 1 Mei 20X9	5 215
Inventori 30 April 20X0	4 255
Jualan	47 690
Pulangan Jualan	430
Tokokan ialah 25% atas kos jualan.	

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori Kedai Kek Strawberry Park?

- A 7.3 kali C 8.9 kali
B 8 kali D 10 kali

KBAT Menganalisis

- 29.** Data berikut diperoleh daripada buku akaun Syarikat Zack bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0.

Buku Teks
ms. 8

	RM
Inventori Awal	18 750
Kos Jualan	181 440
Kadar Pusing Ganti Inventori	8 kali

Berapakah nilai inventori akhir Syarikat Zack?

- A RM3 930 C RM22 680
B RM14 820 **D RM26 610**

KBAT Mengaplikasi

- 30.** Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Coco bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0.

TP 3
Buku Teks
ms. 9

	RM
Akaun Belum Terima	16 200
Jualan Kredit	97 200
Jualan Tunai	12 530

Berapakah Tempoh Kutipan Hutang Syarikat Coco?

- A 47 hari **C 61 hari**
B 54 hari D 70 hari

- 31.** Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Robin bagi tahun berakhir 31 Mac 20X0.

TP 3
Buku Teks
ms. 10

	RM
Akaun Belum Bayar	22 400
Belian Kredit	179 200
Belian Tunai	10 300

Berapakah Tempoh Pembayaran Hutang?

- A 43 hari C 48 hari
B 46 hari D 66 hari

- 32.** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Syarikat Nirmala.

TP 3
Buku Teks
ms. 21-23

	RM
Inventori 1 Julai 20X9	2 264
Inventori 30 Jun 20X0	3 456
Kadar Pusing Ganti Inventori	6 kali
Tokokan	25%

Berapakah untung kasar Syarikat Nirmala bagi tahun berakhir 30 Jun 20X0?

- A RM3 396 **C RM4 290**
B RM3 432 D RM5 184



- 33.** Maklumat berikut diperoleh daripada Anand Trading dan Kamal Enterprise.

TP 5

Buku Teks
ms.
15-19

	Anand Trading	Kamal Enterprise
Pulangan atas modal	40%	32%
Nisbah semasa	1.8:1	2.2:1
Kadar pusing ganti inventori	5 kali	4 kali

Berdasarkan analisis nisbah di atas, pilih pernyataan yang betul.

- A** Keupayaan Anand Trading menguruskan inventori adalah lebih cekap berbanding Kamal Enterprise.
- B** Keuntungan perniagaan Kamal Enterprise adalah lebih baik berbanding Anand Trading.
- C** Anand Trading mempunyai keupayaan kewangan jangka pendek yang lebih baik berbanding Kamal Enterprise
- D** Pelabur luar lebih berminat untuk melabur dalam Kamal Enterprise berbanding Anand Trading

- 34.** Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan pelbagai firma bagi tahun berakhir 31 Mei 20X0.

TP 6

Buku Teks
ms.
21-23

	Firma Wana	Firma Xian	Firma Yoges	Firma Zoey
	RM	RM	RM	RM
Untung kasar	250 000	245 000	210 000	130 000
Untung bersih	126 000	130 000	150 000	85 000
Modal awal	550 000	600 000	700 000	420 000

Berdasarkan analisis nisbah pulangan atas modal, firma yang manakah terbaik untuk membuat pelaburan?

- A** Firma Wana **C** Firma Yoges
- B** Firma Xian **D** Firma Zoey

- 35.** Maklumat berikut berkaitan dengan Nisbah Semasa dua buah restoran.

TP 5

Buku Teks
ms.
21-23

	Restoran Indah Rasa	Restoran Ho Chak
Nisbah Semasa	3 : 1	0.5 : 1

Apakah tafsiran yang betul menggambarkan kedua-dua perniagaan tersebut?

- A** Restoran Ho Chak mempunyai lebih modal kerja
- B** Restoran Indah Rasa mempunyai banyak modal terbiar

- C** Margin Restoran Indah Rasa lebih tinggi berbanding Restoran Ho Chak
- D** Kedua-dua perniagaan berkemampuan untuk menjelaskan liabiliti semasa dalam tempoh yang telah ditetapkan

- 36.** Jadual berikut diperoleh daripada Syarikat Dave dan Syarikat Ross yang mengusahakan industri batik.

Buku Teks
ms.
21-23

Kadar Pusing Ganti Inventori	Syarikat Dave	Syarikat Ross
	3 kali	4 kali

Antara yang berikut, yang manakah benar tentang pengurusan inventori kedua-dua syarikat tersebut?

- I** Jualan Syarikat Ross kurang laris berbanding dengan Syarikat Dave
- II** Syarikat Ross menanggung kos penyimpanan inventori yang lebih tinggi daripada Syarikat Dave
- III** Pengurusan inventori Syarikat Ross lebih efisien daripada Syarikat Dave
- IV** Syarikat Dave menukar inventori setiap 4 bulan sekali manakala Syarikat Ross menukar inventori setiap 3 bulan sekali
- A** I dan II **C** II dan III
- B** I dan IV **D** III dan IV

KBAT Menganalisis

- 37.** Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Ali dan Baba Enterprise.

TP 5

Buku Teks
ms.
15-19

Nisbah	Jiwa Trading	Karya Trading
Tempoh kutipan hutang	80 hari	60 hari
Kadar pusing ganti inventori	4 kali	7 kali

Pilih rumusan dapatan analisis yang betul.

- I** Karya Trading mengutip hutang lebih baik berbanding Jiwa Trading
- II** Karya Trading mengurus inventori lebih baik berbanding Jiwa Trading
- III** Jiwa Trading mengutip hutang lebih baik berbanding Karya Trading
- IV** Jiwa Trading mengurus inventori lebih baik berbanding Karya Trading
- A** I dan II **C** II dan III
- B** I dan IV **D** III dan IV

KERTAS 2

1. Berdasarkan maklumat berikut, hitung kos jualan bagi Jojo Enterprise jika margin untung kasar adalah 25%.

	RM
Jualan	720 000
Inventori Awal	36 000
Inventori Akhir	42 000

[2 markah]

2. Maklumat berikut telah diambil daripada buku Perniagaan Zahrah pada 31 Mei 20X0.

	RM
Inventori Awal	2 450
Belian	28 220
Inventori Akhir	2 930
Margin Untung Kasar adalah 20%.	

Anda dikehendaki mengira:

- | | |
|------------------|----------------------------------|
| (a) Kos Jualan | (d) Tokokan |
| (b) Jualan | (e) Inventori Purata |
| (c) Untung Kasar | (f) Kadar Pusing Ganti Inventori |

[12 markah]

3. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Aaron pada 30 September 20X0.

	RM
Jualan	54 840
Pulangan Jualan	200
Margin Untung Kasar	15%
Margin Untung Bersih	10%
Kadar Pusing Ganti Inventori	4 kali
Inventori 1 Oktober 20X9	11 450
Modal pada 1 Oktober 20X9	45 500

Anda dikehendaki mengira:

- | | |
|-------------------------------|--|
| (a) Jualan Bersih | (e) Inventori pada 30 September 20X9 |
| (b) Untung Kasar | (f) Untung Bersih |
| (c) Kos Jualan | (g) Perbelanjaan yang dipindahkan ke Akaun Untung Rugi |
| (d) Inventori Purata pada Kos | (h) Pulangan atas Modal |

[16 markah]

4. Puan Aminah memerlukan bantuan anda untuk mengukur prestasi perniagaan beliau berdasarkan maklumat berikut.

	RM
Jualan	210 450
Belian	130 750
Pulangan Keluar	2 000
Inventori pada 1 Oktober 20X9	10 500
Modal pada 1 Oktober 20X9	125 750
Belanja kendalian yang lain	38 300
Kos pembiayaan pinjaman	14 250

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Mac 20X0 adalah RM13 250 dan RM12 500 pada harga pasaran.
- (ii) Nota kredit dihantar setelah invoice jualan kerana kesilapan penghantaran barang niaga RM1 250. Maklumat ini belum direkodkan.

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi enam bulan berakhir 31 Mac 20X0. [8 markah]
- (b) Menghitung:
 - (i) Kadar Pusing Ganti Inventori
 - (ii) Tokokan
 - (iii) Margin Untung Kasar
 - (iv) Margin Untung Bersih
 - (v) Pulangan atas Modal
 [10 markah]

5. Butiran berikut diperoleh daripada buku Syarikat Vistana bagi tahun berakhir 31 Mac 20X0.

	RM
Belian	62 162
Jualan	85 350
Inventori pada 1 April 20X9	4 652
Pulangan Belian	247
Angkutan Masuk	140
Inventori pada 31 Mac 20X0 ialah RM3 950 pada kos dan RM3 622 pada harga pasaran.	

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Perdagangan Syarikat Vistana bagi tahun berakhir 31 Mac 20X0. [4 markah]
 - (b) Mengira Kos Barang Dijual. [2 markah]
 - (c) Mengira Kadar Pusing Ganti Inventori bagi tahun berakhir 31 Mac 20X0. [2 markah]
6. Kedai Bunga Rasa Sayang dan Kedai Bunga Sri Ayu adalah dua buah perniagaan yang menjual bunga segar. Berikut adalah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 31 Oktober 20X0.

Kedai Bunga Rasa Sayang

	RM
Akaun Belum Bayar	2 210
Untung Bersih	3 490
Akaun Belum Terima	5 120
Pinjaman Bank	14 000
Kenderaan	60 240
Overdraf Bank	3 000
Tunai	660
Inventori Purata	5 780
Untung Kasar	7 720
Sewa Belum Bayar	2 800
Jualan	25 460
Komisen Belum Terperoleh	4 230
Modal pada 1 November 20X9	60 000
Alatan Pejabat	10 420

Kedai Bunga Sri Ayu

Kadar Pusing Ganti Inventori sebanyak 4 kali.
Pulangan atas Modal 6%.

- (a) **Anda dikehendaki menghitung** perkara berikut bagi Kedai Bunga Rasa Sayang:
 - (i) Kos Jualan
 - (ii) Tokokan
 - (iii) Margin Untung Kasar
 - (iv) Kadar Pusing Ganti Inventori
 - (v) Pulangan atas Modal
 [10 markah]
- (b) Prestasi perniagaan manakah yang lebih baik? Berikan alasan anda. [2 markah]

7. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Tristan bagi tahun berakhir 31 Mac 2022.

	RM
Jualan (termasuk jualan kredit RM260 000)	780 000
Inventori pada 1 April 2021	65 000
Inventori pada 31 Mac 2022	61 100
Belian	556 400
Jumlah Hasil Operasi	3 900
Jumlah Belanja Operasi	19 500
Bank	117 000
Akaun Belum Terima	80 600
Akaun Belum Bayar	57 600
Tunai	2 600
Pinjaman Bank (matang pada 31 Mac 2022)	104 000
Modal pada 1 April 2021	624 000
Maklumat tambahan:	
	31 Mac 2021
Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)	36.52%
Pulangan atas Modal	29.81%
Nisbah Semasa	2.5 : 1
Tempoh Kutipan Hutang	140 hari

- (a) **Anda dikehendaki menghitung** nisbah-nisbah berikut bagi tahun berakhir 31 Mac 2022 (jawapan dalam 2 tempat perpuluhan).
- (i) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan) (iii) Nisbah Semasa
(ii) Pulangan atas Modal (iv) Tempoh Kutipan Hutang
- [8 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di 7(a), tahun manakah yang menunjukkan pengurusan hutang Tristan yang lebih cekap? Berikan alasan.
- [2 markah]

8. Petikan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi berikut diambil daripada Syarikat Mieka dan Syarikat Malik pada 30 April 20X0.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 20X0

	Syarikat Mieka	Syarikat Malik
	RM	RM
Jualan	75 200	84 350
<i>Tolak:</i> Kos Jualan	(62 560)	(72 880)
Untung Kasar	12 640	11 470
<i>Tolak:</i> Belanja Kendalian	(6 690)	(5 420)
Untung Bersih	5 950	6 050

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung nisbah berikut bagi kedua-dua syarikat di atas:
- (i) Tokokan
(ii) Margin Untung Kasar
(iii) Margin Untung Bersih
(iv) Peratus Belanja Kendalian atas Jualan
- [8 markah]
- (b) Bandingkan prestasi Syarikat Mieka dan Syarikat Malik bagi setiap nisbah di 8(a).
- [4 markah]
- (c) Berdasarkan perbandingan prestasi di 8(b), perniagaan yang manakah sesuai untuk dipilih bagi tujuan pelaburan? Terangkan.
- [2 markah]